

Headline	10,800 botol air minuman untuk mangsa banjir Pahang,		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	20
ArticleSize	291 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 17,254		



ROZALI Ismail (tiga kiri) dan Mohd. Isa Mohd. Yassin (dua dari kanan) menunjukkan air bersih untuk mangsa banjir selepas pelancaran misi Ops Murni di Kuala Lumpur, semalam.

10,800 botol air minuman untuk mangsa banjir Pahang, Terengganu

KUALA LUMPUR 6 Dis. - Sebanyak 10,800 botol air minuman lima liter dan 9,600 botol air minuman 500 mililiter (ml) dihantar kepada mangsa-mangsa banjir di sekitar Kuantan, Pahang dan Kemaman, Terengganu dalam Misi Bantuan Kemanusiaan dan Bekalan Air Bersih (Ops Murni).

Brigedier Jeneral (Kehormat) 60 Rejimen Pakar Pengendalian Air RAJD, Tan Sri Rozali Ismail berkata, turut diagihkan adalah dua unit sistem penapis air bergerak yang berkemampuan merawat dan menuliskan air bagi kegunaan mangsa-mangsa banjir.

Beliau yang juga Pengerusi Eksekutif Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) menambah, sebanyak 20,000 botol bekalan air minuman tambahan turut disediakan dan akan dihantar

secara berperingkat di kawasan yang terlibat dengan bencana tersebut.

"Kita terpanggil menghulurkan bantuan ini berikutan memahami kesukaran mangsa banjir mendapatkan bekalan air bersih.

"Selain itu, bantuan ini juga disalurkan berikutan terdapat segeintir pihak tidak bertanggungjawab cuba mengambil kesempatan menaikkan harga air minuman dalam botol berikutan mendapat permintaan tinggi ketika ini," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis pelancaran dan pelepasan misi Ops Murni itu di sini hari ini.

Turut hadir Pengarah Eksekutif Syabas, Mohd. Isa Mohd. Yassin.

Menurut Rozali, misi itu dilancarkan dengan kerjasama Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd. (Puncak Niaga) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB)

selaras dengan seruan Kementerian Pertahanan supaya semua agensi di bawah Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bersiap sedia untuk digerakkan dan menyampaikan bantuan bagi membantu mangsa banjir.

Tambah beliau, menerusi operasi itu, sebanyak 136 anggota terlibat terdiri daripada askar wataniah Rejimen Pakar Pengendalian Air Ke-60 RAJD, Rejimen Pakar Pengendalian Bekalan Elektrik ke-70 RAJD, Rejimen Angkatan Melayu Diraja dan anggota sukarelawan.

Tambah beliau, jika keadaan banjir berterusan, pihaknya akan berhubung dengan unit-unit negeri di seluruh negara yang tidak terlibat dengan banjir bagi mendapatkan bantuan anggota tambahan.